



" RANCANGLAH KEWANGAN ANDA "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِسْلَامِ
وَإِيْمَانٍ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تُمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah bersama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, dengan ketaatan membangunkan syariat di samping melaksanakan segala tuntutan perintah Allah dan menghindari segala yang ditegah demi kesejahteraan hidup kita di dunia dan di akhirat. Semoga dengan ketaqwaan yang kita bangunkan, kita akan terus diberi petunjuk, dipimpnin menuju keredhaan Allah SWT.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Harta dan wang ringgit adalah anugerah Allah SWT kepada hamba-hambaNya untuk menguji sejauh mana keimanan dan ketaqwaan mereka dalam menguruskan kurniaan ini. Ia juga merupakan keperluan yang membantu kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **“Rancanglah Kewangan Anda”**.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Sesungguhnya harta dan wang ringgit yang kita miliki adalah amanah Allah yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Justeru, ia perlu diurus, dirancang dan dibelanjakan menurut panduan syariat bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan kita di akhirat. Setiap wang ringgit yang kita perolehi dan belanjakan pasti akan ditanya di akhirat kelak. Inilah realiti yang wajar kita jadikan prinsip hidup kita dalam perancangan harta dan kewangan kita.

Hadis daripada Abu al-Barazah al-Aslami, bahawa Rasulullah SAW bersabda:



لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ
عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ
مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ
فِيمَا أَبْلَاهُ.

"Tidak akan berganjak kedua-dua kaki seorang hamba pada hari Kiamat sehingga dia ditanya tentang umurnya pada urusan apa dihabiskan, tentang ilmunya apakah telah diamalkan, tentang hartanya dari mana diperolehi dan ke mana dibelanjakan dan tentang tubuh badannya pada perkara apa digunakan".

(Riwayat At-Tirmidzi)

Jelas dalam hadis ini betapa setiap wang dan harta kita akan dipersoalkan kerana ia adalah amanah milik Allah yang dipinjamkan kepada kita. Lantaran itu kita perlu memastikan wang ringgit kita diurus dengan selamat dan tepat dengan perancangan kewangan yang kita sediakan.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Perancangan kewangan adalah suatu urusan penting yang perlu kita pastikan sebagai langkah menuju kejayaan dalam membina kehidupan yang cemerlang. Mereka yang merancang kewangan akan lebih terjamin keselesaan dan kebahagiaan hidup mereka. Ini adalah sebahagian daripada tuntutan agama yang perlu dibangunkan dalam kehidupan setiap



muslim. Hanya dengan perancangan kewangan yang baik dan berjaya, seseorang akan mampu melakukan kebaikan dan sumbangan dengan wang yang dimilikinya.

Antara langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam perancangan kewangan setiap individu muslim ialah :

Pertama : Memastikan sumber pendapatan yang halal dan mengelakkan dari segala sumber yang haram seperti hasil rasuah, riba, judi, curi dan sebagainya. Langkah ini adalah amat penting untuk memastikan keberkatan hidup di samping memastikan tahap kemampuan perbelanjaan bulanan kita.

Firman Allah SWT dalam surah al- Nahl ayat 114:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلالًا طَيِّبًا
وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنْتُمْ إِيَّاهُ
تَعْبُدُونَ

“Oleh itu, makanlah daripada apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata”.

Kedua : Mengawasi perbelanjaan dan mengawalinya dengan baik. Utamakan keperluan asas sebagai nafkah diri dan keluarga, seperti makan minum, tempat tinggal dan



bayaran pinjaman bulanan sebelum berbelanja untuk kegunaan lain seperti aktiviti keceriaan, percutian dan hiburan. Senaraikan kos perbelanjaan yang utama untuk diselesaikan, setelah itu baki dari perbelanjaan tersebut barulah digunakan untuk perkara lain, sesuai dengan tahap kemampuan kewangan kita.

Setiap ahli keluarga perlu dididik agar bijak berbelanja untuk mengelakkan pembaziran. Jangan mudah menyerahkan wang ringgit kepada ahli keluarga tanpa kawalan dan tujuan yang pasti. Lihatlah saranan Allah SWT dalam Surah an-Nisa ayat 5 yang tegas menyatakan :

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ
اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ
وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٥﴾

"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang telah Allah jadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu. Berilah mereka belanja dan pakaian daripada hasil hartanya (yang kamu usahakan) dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik".



Ketiga : Peruntukkan sebahagian daripada harta kita untuk membuat kebajikan untuk mengundang keberkatan di dalam rezeki yang Allah kurniakan. Amalkan sedekah, membantu kaum kerabat yang memerlukan, menyumbang untuk kegiatan agama dan kemasyarakatan dan sebagainya. Ingatlah bahawa dengan bersedekah rezeki kita akan ditambah dan diberkati. Bukankah setiap sedekah dan sumbangan yang kita hulurkan akan didoakan gantiannya oleh malaikat...? Inilah keberkatan rezeki yang dijamin oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya yang sudi menyumbangkan sebahagian hartanya kepada golongan yang memerlukan. Hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا
مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا
اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ
الْآخِرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا.

"Tidak berlalu suatu Pagi bagi hamba Allah melainkan akan turun dua Malaikat (ke Dunia), maka salah satunya berdoa : "Ya Allah kurniakanlah gantian kepada orang yang menafkahkan hartanya). Lalu berdoa



malaikat yang lain: "Ya Allah musnahkanlah harta orang yang bakhil."

Keempat : Peruntukkan sebahagian daripada wang yang diperolehi sebagai simpanan. Simpanan wang adalah perlu bagi menjamin kesejahteraan dan keselesaan di waktu kesempitan. Setiap muslim perlu memastikan dirinya sentiasa bersedia menghadapi hari-hari depannya dengan perancangan yang rapi dan persediaan yang ampuh. Dia juga akan sentiasa terpelihara dari sikap meminta-minta dan menagih simpati orang lain di waktu terdesak. Dengan wang simpanan ini juga, seorang muslim dapat merancang ekonomi keluarga yang lebih baik. Islam juga menyarankan agar harta dikembangkan atau dilaburkan, namun aktiviti pelaburan itu mestilah menepati hukum syarak dan sah di sisi Islam seperti pelaburan secara musyarakah dan mudharabah. Konsep mudharabah dan musyarakah ini mestilah dipatuhi rukun-rukunnya dan memenuhi syarat-syaratnya sepanjang pelaburan dijalankan.

Di samping itu, janganlah pula kita melupakan tanggungjawab kita terhadap harta yang dikurniakan Allah SWT kepada kita iaitu kewajipan menunaikan zakat. Zakat berperanan membersihkan harta dan jiwa kita daripada noda dan dosa serta menambahkan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 103:



خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ
عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ



"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka (daripada dosa dan akhlak yang buruk); serta doakanlah untuk mereka. (Ini kerana) sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Antara intipati khutbah yang boleh dijadikan pengajaran ialah :

- Pertama : Harta dan wang adalah amanah Allah yang dipinjamkan kepada manusia sebagai wasilah untuk mencapai kehidupan yang sejahtera dan diberkati, oleh itu, hendaklah dibelanjakannya mengikut jalan yang diredhai Allah.
- Kedua : Islam menggalakkan umatnya memiliki, menghasilkan dan merancang penggunaan harta dengan baik dan bijaksana bagi menjamin kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat.
- Ketiga : Islam menyarankan harta dikembangkan agar manfaatnya dapat dirasakan oleh orang ramai menerusi



zakat, perniagaan, pelaburan dan sumbangan amal jariah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا آمَاؤُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ
عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

"Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar".

(Al-Anfal: 28)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَإِلْكَرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.